

25/08/1997

Soros terjerat perangkap sendiri

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tegas menolak permintaan ahli kewangan Amerika Syarikat, George Soros, untuk menemuinya bagi membincangkan isu serangan spekulatif yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean termasuk ringgit. Pada kita Dr Mahathir mempunyai alasan enggan menemui manusia yang dianggapnya 'penjenayah'. Kita juga berpendapat Dr Mahathir tidak perlu membuang masa berbincang dengan manusia yang hanya akan menafikan perbuatannya sedangkan bukti yang terkumpul cukup membuktikan wujudnya unsur perniagaan tidak sihat yang dirancang untuk merosakkan ekonomi rantau ini. Namun, kita percaya Dr Mahathir tidak akan gentar menemui Soros, jika beliau terlalu mendesak berbuat demikian.

Jutawan Yahudi Amerika itu memang wajar dianggap penjenayah kerana dialah bertanggungjawab menyebabkan mata wang negara Asia Tenggara tidak stabil. Soros yang menggunakan kekayaannya untuk menghalang Myanmar menjadi anggota Asean, menafikan tuduhan dia menghuruharakan baht, ringgit, rupiah dan peso, tetapi mengaku organisasinya menentang Myanmar diterima menjadi anggota Asean atas alasan kononnya Myanmar mencabul hak asasi manusia. Oleh itu tidak salah jika Dr Mahathir menyelarnya sebagai anarkis dan penjenayah.

Apa yang menjadi tanda tanya mengenai isu pertemuan di antara Dr Mahathir dengan spekulator kelahiran Hungary itu ialah pembabitan Bank Dunia yang dikatakan mengatur pertemuan berkenaan. Kita hairan bagaimana institusi itu boleh menjadi 'orang tengah' sedangkan Dr Mahathir tidak pernah meminta pertolongan mana-mana pihak untuk berjumpa Soros kerana beliau sendiri tidak mahu bersemuka dengan jutawan itu. Kita bimbang dalam kemelut ini ada pihak yang cuba menanggung di air keruh dengan menggunakan strategi halus untuk menjatuhkan air muka Dr Mahathir. Kita juga tidak menolak kemungkinan semua ini didalangi media Barat yang sememangnya mempunyai agenda tertentu untuk memperkecilkan kemampuan Perdana Menteri menangani percaturan ekonomi semasa.

Sebenarnya, kita sudah masak dengan taktik kotor media Barat yang seolah-olah memberi gambaran pertemuan itu adalah atas kehendak Dr Mahathir, sedangkan semuanya bermula apabila Soros sendiri yang menyatakan beliau mahu menemui Perdana Menteri, selepas 'tembelangnya' menyerang mata wang negara Asia Tenggara pecah dan beliau dikritik hebat pemimpin serantau. Bagaimanapun, dengan pelbagai dakwah palsu dan bantuan media asing yang bertuhankan kapitalis, kita kini didedahkan dengan gambaran yang sebaliknya iaitu seolah-olah Dr Mahathir mahu berjumpa Soros. Hakikatnya, apakah wajar seorang negarawan seperti Dr Mahathir bertemu dan berbincang dengan seorang yang beliau anggap sebagai penjenayah?

Kita yakin Soros dan negara Barat yang menjadi sekutunya mempunyai agenda tertentu di sebalik kemelut ini kerana jika benar spekulator itu ingin bersemuka dengan Dr Mahathir, beliau sudah tentu menyuarkan hasratnya menerusi saluran sepatutnya dan bukan menggunakan media sebagai perantara. Kini yang nyata ialah percaturan Soros tersilap. Dalam pada beliau mengharap tawarannya bertemu Dr Mahathir diterima, ia ditolak dan ego serta kewibawaannya sudah tercalar. Oleh itu, tidak menghairankan jika Soros kini cuba menggunakan pengaruhnya untuk memutarbelitkan keadaan.

Selain itu, tindakan Soros mengumumkan dalam media kononnya beliau bersedia bertemu Dr Mahathir selepas dikritik hebat, jelas membuktikan dia

sebenarnya tidak bersungguh-sungguh. Langkah itu tidak lebih daripada mencari publisiti murahan dalam usahanya mengabui mata dunia selepas menafikan menjadi dalang di sebalik kucar-kacir mata wang Asia Tenggara. Matlamatnya ialah supaya dunia mengangkat martabatnya sebagai wira kerana beranggapan beliau berani bertemu pengkritiknya. Namun, kini ternyata Soros bukanlah seorang wira, sebaliknya hanya berani mencanang kejaguan dalam media tetapi tidak bersedia memenuhi apa yang dikatakannya. Begitupun, media yang didominasi Barat masih terus menyebarkan propaganda kononnya Dr Mahathir 'tidak berani' bertemu Soros.

Dalam konteks ini, sesuatu yang paling ketara ialah kebijaksanaan dan kematangan Dr Mahathir menangani perang psikologi Barat seperti yang dilancarkan oleh Soros ini. Beliau tidak cepat melatah. Dalam sidang akhbar selepas melawat Kompleks Sukan Bukit Jalil semalam, Perdana Menteri dengan tenang menyatakan: "Dia (Soros) sudah mendengar kenyataan saya menerusi media, jadi dia boleh membuat kenyataan menerusi media dan saya akan mendengarnya pula. Saya tidak perlu berjumpa dia." Ini jelas membuktikan Dr Mahathir sudah tahu Soros sebenarnya tidak bersungguh-sungguh atau mungkin tidak berani untuk menemuinya kerana itu propaganda Barat dan tidak perlu dilayan.

(END)